

Majalah *Time* mohon maaf kepada Malaysia

UM 14 MAR 2002

KUALA LUMPUR 13 Mac — Penerbit majalah *Time* telah memohon maaf secara terbuka dan bertulis kepada kerajaan kerana memaparkan Malaysia sebagai sarang pengganas dalam keluarannya yang lalu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, sepucuk surat memaklumkan permohonan maaf itu telah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat *Time* di Lancaster, London kepada beliau yang ditandatangani oleh penerbit antarabangnya, Andrew Butcher.


Ia diterima oleh Pejabat Am Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada 7 Mac lalu.

"Dalam suratnya, Butcher menyatakan kekesalan yang teramat sangat terhadap penyiaran berita mengenai Malaysia oleh *Time*. Beliau meminta kita menerima permohonan maaf peribadinya berhubung kesilapan itu.

"Justeru, saya telah membacakan isi surat ini kepada Jemaah Menteri yang bermesyuarat hari ini dan Jemaah Menteri menerima dan berpuas hati dengan permohonan maaf ini," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Time dalam keluarannya sebelum ini memaparkan gambar Jalur Gemilang tetapi

■ Lihat muka 4



MAJALAH *Time*
keluaran 11 Feb. 2002

Majalah *Time* mohon maaf kepada Malaysia

pada masa sama, menggantikan imej bintang dengan wajah Osama Bin Laden serta meletakkan senapang automatik bersilang di depan bendera itu dengan cuba menggambarkan Malaysia sebagai negara pengganas.

Penyiaran gambar itu menimbulkan kemarahan rakyat sehingga timbul desakan supaya kerajaan menamatkan segera pembelian ruang iklan pelancongan mengenai negara dalam *Time* kerana terus-menerus memburukkan imej Malaysia.

Malah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, adalah tidak adil jika keluaran majalah itu memburukkan imej Malaysia walhal negara membeli ruang iklan dalam majalah itu. Kos iklan satu muka surat penuh dalam *Time* berharga RM100,000.

Exco Pergerakan Pemuda UMNO menerusi exconya, Mohd. Norza Zakaria meminta kerajaan bertindak tegas dengan menarik balik pemberian iklan kepada *Time* yang ternyata suka memburukkan imej negara dan ekoran itu difahamkan, kabinet bersetuju mengambil tindakan awal meminimumkan iklan kepada majalah itu sebelum menghentikan sepenuhnya.

Mengulas lanjut, Abdul Kadir berkata, dalam suratnya, Butcher turut menawarkan iklan percuma di kulit belakang *Time* untuk kementerian mempromosikan Malaysia.

Kunjungan

"Kita akan meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menulis satu artikel dalam *Time*," katanya.

Menurut Abdul Kadir, sebelum surat Butcher diterima, pihaknya menerima kunjungan beberapa pegawai *Time* yang turut disertai oleh Editor Bahagian Asianya, Karl Taro Greenfeld.

Dalam pertemuan itu, rombongan Greenfeld diberi penerangan mengenai situasi di negara ini dan bagaimana kerajaan berjaya mewujudkan satu bangsa Malaysia.

"Greenfeld menyatakan *Time* perlu lebih sensitif selepas ini dalam memutuskan gambar yang perlu dipaparkan di muka depan *Time* apabila melibatkan Malaysia," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebelum ini wujud perjanjian antara kerajaan dan majalah asing termasuk *Time* bahawa jika sesuatu berita itu berbentuk kontroversi dan merugikan negara, maka majalah terbit tidak dibenarkan mencetak iklan mengenai Malaysia.

"Kita ada kontrak yang panjang. Kalau ada berita kontroversi, sepatutnya *Time* tidak cetak gambar, tapi dia buat juga. Ini bukan salah kita," katanya.